

Jenis Akhbar : *Harian Metro*

Tarikh : *14/05/2024*

Edisi / Muka Surat : *Nasional / 22*

Tajuk : *ANGKASA sedia bantu 7,780 PIBG tubuh koperasi*

**Shah Alam:** Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) bersedia membantu kira-kira 7,780 Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) di peringkat sekolah rendah kebangsaan di seluruh negara bagi menubuhkan koperasi.

Presidennya, Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah berkata, di samping menanam budaya keusahawan secara tidak langsung kepada semua pihak yang terbabit, hasil keuntungan

## Angkasa sedia bantu 7,780 PIBG tubuh koperasi

koperasi itu juga boleh digunakan dalam menggerakkan aktiviti PIBG berkaitan kecemerlangan dan pembelajaran di sekolah.

Katanya, setakat tahun lalu, 22 koperasi PIBG dan alumni di peringkat sekolah rendah kebangsaan di seluruh negara ditubuhkan bagi usaha berkenaan.

"Kita sedia maklum, bukan semua ibu bapa mampu

untuk menawarkan atau menyumbang dalam bentuk kewangan. Susulan itu PIBG digalakkan untuk menggunakan platform yang tepat dan berkesan untuk mengumpulkan dana bagi meluaskan lagi peranan mereka.

"Oleh itu, Angkasa se-

bagai badan apeks koperasi yang diiktiraf oleh kerajaan sentiasa memberi sokongan dan galakan kepada badan bukan kerajaan dan persatuan terutama PIBG serta alumni sekolah untuk menubuhkan koperasi," katanya selepas merasmikan Mesyuarat PIBG ke-29 Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Alam Megah.

Abdul Fattah berkata, melalui koperasi PIBG yang ditubuhkan, mereka juga boleh menjadi penaja kepada aktiviti yang dijalankan oleh pihak sekolah, selain menjalankan perniagaan bagi memenuhi keperluan anggota koperasi dan komuniti di sekolah.

"Inilah antara sebab saya hadir ke SK Taman Alam Megah kerana sekolah ini akan menubuhkan koperasi PIBG dalam jangka masa terdekat," katanya.

Katanya, 23 buah koperasi sekolah menengah kebangsaan turut mencapai perolehan sebanyak RM1 juta, manakala satu lagi mendapat perolehan RM2 juta.

Sebanyak  
22 koperasi PIBG  
dan alumni  
ditubuhkan tahun lalu

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA